

Pelajar IPT dibenar masuk kampus mulai 1 Mac

Februari 9, 2022 @ 6:19pm



Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada sidang media selepas Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 di Wisma Pertahanan, semalam. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan membenarkan kemasukan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke kampus secara berperingkat mulai 1 Mac ini, dengan kapasiti 70 peratus hingga 100 peratus.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata keputusan itu dibuat selepas Mesyuarat Menteri Kuartet COVID-19 ke-12 semalam, yang memperhalusi cadangan daripada KPT berhubung kemasukan pelajar ke IPT, membabitkan universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan IPT swasta,

"Antara prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KPT dan Kementerian Kesihatan (KKM) adalah pelajar dan staf yang lengkap dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus, namun mereka yang tidak lengkap vaksinasi perlu

membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif tiga hari sebelum masuk ke kampus.

"Ujian pengesahan COVID-19 menggunakan kaedah RTK-Ag juga perlu dilakukan seminggu sekali bagi mereka yang tidak lengkap vaksinasi, mengikut Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh KKM," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Bagi pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu, Hishammuddin berkata, hanya mereka yang lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke Malaysia serta wajib menjalani tempoh kuarantin selama tujuh hari atau lima hari jika sudah menerima dos penggalak.

Selain itu, katanya, IPT perlu mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal dan sentiasa mematuhi SOP pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang ketat, selain dibenarkan menjalankan pengajian secara hibrid atau secara dalam talian.

Beliau berkata, semua aktiviti sukan dan riadah juga perlu mematuhi SOP dikeluarkan oleh KKM dan pelajar yang pulang ke kampus wajib terus mematuhi SOP umum seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan diri.

"Dalam setiap kelonggaran diberikan kerajaan, aspek keselamatan dan kesihatan rakyat termasuklah pelajar IPT tetap menjadi keutamaan.

"Sehubungan itu, kerajaan menyeru kepada semua pihak, termasuk pentadbiran IPT, staf dan pelajar supaya mematuhi SOP ditetapkan dengan penuh berdisiplin dan bertanggungjawab," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Bilik Gerakan COVID-19 KPT di talian 03-8870 6777/ 6949 / 6623 / 6628, layari laman web IPT atau menghubungi Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing. - BERNAMA